

Newspaper	Berita Harian
Date	17/3/2013

# Tingkat keupayaan ATM

BH-17/3/2013

» *Beri keyakinan rakyat soal kedaulatan negara: Najib*

Oleh **Shaarani Ismail**  
shaarani@mediaprima.com.my

Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan sedia meluluskan peruntukan tambahan untuk menaik taraf kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Perdana Menteri berkata, berikutan kejadian pencerobohan di Lahad Datu dan Seporna baru-baru ini, kerajaan akan melakukan penambahbaikan dari segi peralatan, latihan, kemahiran dan perisikan ATM.

“Kita perlu memberi keya-

kinan kepada rakyat dalam soal kedaulatan wilayah dan keselamatan negara. Kita perlu lakukan apa saja demi masa depan negara,” katanya pada majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri bersama Pesara Pegawai-Pegawai Tinggi ATM di Seri Perdana, semalam.

Lebih 200 pegawai tinggi ATM menghadiri majlis itu. Hadir sama Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

## Struktur ESSCOM

Najib berkata, Kawasan Khas Keselamatan Timur Sabah (ESSCOM), yang mengambil kira model Rajang Area Security

Command (RASCOM) di Sarawak, didapati amat berkesan untuk menghadapi cabaran terkini.

“Saya meminta kabin-kabin dibuat secepat mungkin tanpa perlu tunggu bangunan kekal.

Kita mula secepat mungkin dan kabin-kabin itu perlu selesa supaya mereka boleh bertugas secara selesa.

“Butiran lanjut mengenai struktur ESSCOM dijangka diumumkan akhir minggu depan,” katanya.

Najib juga meminta Kementerian Pertahanan melantik pegawai paling sesuai untuk mengetuai kumpulan dan anggota tentera untuk berkhidmat di ESSCOM.

Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa kaum

Suluk di Sabah tidak akan dikasari.

Sementara itu, beberapa bekas pegawai kanan tentera yang ditemui sepakat bahawa kesetiaan dan kesatuan tidak boleh dikompromi bagi memastikan kedaulatan dan keselamatan negara daripada ancaman anasir luar, walaupun berbeza fahaman politik.

Bekas Panglima Angkatan Tentera, Jeneral (B) Tan Sri Mohd Shahrom Nordin, berkata anggota tentera sudah melafazkan ikrar sumpah satria ketika memulakan perkhidmatan dan akan kekal walaupun sudah bersara.

Bekas Panglima Tentera Laut, Jeneral (B) Tan Sri Abdul Wahab Nawawi, pula berkata, Perdana Menteri mengambil tindakan betul apabila menyerahkan kepada Angkatan Tentera untuk menyelesaikan isu pencerobohan Lahad Datu selepas rundingan polis menemui jalan buntu.

